



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا فينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**GUGUSAN DOA**  
**DI TAHUN BAHARU**



Tarikh Bacaan:  
**2 JANUARI 2026M / 19 REJAB 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# Gugusan Doa Di Tahun Baharu

2 Januari 2026M/ 19 Rejab 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَى مِنْكُمْ خَافِيَةٌ ﴿١٨﴾ سورة الحاقة

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

## PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Khatib menyeru, marilah sekalian kita bertakwa keada Allah dengan sebenar-benar takwa. Sedarlah bahawa hidup di dunia ini tidak kekal selamanya, akan sampai satu masa kita akan dihadapkan kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** untuk dihitung segala amalan yang kita lakukan.

Ketika khutbah sedang disampaikan, marilah kita menumpukan sepenuh perhatian, tidak berbual, tidak bermain dengan telefon bimbit dan tidak melakukan perkara yang melalaikan. Ketahuilah, sesungguhnya semua itu boleh mengurangkan bahkan menghilangkan pahala Jumaat bagi sesiapa yang melakukannya.

Semalam kita telah melangkah ke tahun Baharu 2026. Tahun yang datang membawa sejuta harapan, tetapi juga mengingatkan kita bahawa



masa terus berjalan, umur semakin berkurang dan peluang beramal semakin singkat. Maka tajuk khutbah pada hari ini ialah “**Gugusan Doa Di Tahun Baharu**”

### **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Tahun 2026 baru sahaja menjelma dan lembaran masih putih untuk dicorakkan dengan amal, takwa dan keinsafan. Sebagai umat Islam, ketibaan tahun 2026 pasti ingin diukir dengan pelangi yang lebih indah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Kita tidak tahu apa yang menanti di hadapan, mungkin rezeki, mungkin ujian atau mungkin panggilan pulang ke hadrat Ilahi. Sepanjang tahun lalu, dunia menyaksikan pelbagai ujian, daripada krisis kemanusiaan di Gaza yang masih berdarah, hinggalah bencana alam dan cuaca ekstrim di serata tempat.

Dalam negara pula, kita berdepan cabaran ekonomi, tekanan kos sara hidup, peningkatan kes bunuh, rogol, zina serta keruntuhan institusi keluarga serta gelombang maklumat palsu yang mencabar nilai dan akhlak masyarakat.

Namun, dalam semua itu, kita juga menyaksikan kebangkitan nilai kesedaran, masyarakat semakin cakna terhadap agama, kesihatan mental, dan pentingnya kembali kepada kehidupan yang berlandaskan iman. Ketibaan tahun baharu ini seharusnya menginsafkan kita bahawa umur yang bersisa bukan untuk disia-siakan, tetapi peluang untuk memperbaiki diri agar menjadi hamba yang lebih baik daripada tahun sebelumnya.

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* SEKALIAN,**

Lazimnya pada hujung tahun, semua pihak, institusi dan agensi, sibuk menyediakan laporan penilaian prestasi akhir tahun. Ia menjadi kayu ukur kepada pencapaian dan cabaran yang ditempuh sepanjang tahun, dan asas kepada perancangan yang lebih baik bagi tahun berikutnya.

Bagi seorang pekerja laporan prestasi mungkin sesuatu yang mendebarkan. Ia menilai mutu kerja, disiplin dan kesetiaan malah menjadi penentu kepada kenaikan pangkat atau sebaliknya. Begitulah tingginya perhatian manusia terhadap urusan duniawi yang bersifat sementara ini. Persoalannya, adakah perhatian yang sama kita berikan terhadap laporan amalan kita di sisi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** ?

Berapa ramai yang benar-benar mengambil masa untuk menilai prestasi dirinya sebagai hamba Allah? Sejauh manakah takwa meningkat, sebanyak mana dosa yang telah ditinggalkan dan setakat mana amal soleh dilakukan? Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam surah al-Haqah ayat 18:

Maksudnya: *“Pada hari itu kamu semua dihadapkan (kepada Tuhanmu untuk hitungan amalan), tidak ada sesuatu pun perkara yang tersembunyi (dariada Allah)”*

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Hidup ini tidak lama. Hargailah setiap saat kerana masa itu sangat berharga. Allah bersumpah dengan masa dalam surah al-Asr yang menegaskan bahawa manusia berada dalam kerugian kecuali mereka yang beriman, beramal soleh, berpesan dengan kebenaran dan kesabaran. Ibnu Mas'ud **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ** pernah berkata:

*“Tiada hari yang paling aku sesali selain hari yang mataharinya terbenam sedangkan umurku berkurang, namun amalanku tidak bertambah.”*

Begitulah para sahabat dan ulamak silam menghargai masa. Mereka hidup dengan kesedaran bahawa setiap hari yang berlalu tidak akan kembali dan setiap detik yang disia-siakan akan menjadi penyesalan di akhirat nanti.

Kata-kata Ibnu Mas’ud menunjukkan bahawa umat Islam hendaklah memastikan hari-harinya diisi dengan perkara yang bermanfaat dan segera bermuhasabah sekiranya gagal mengisi masa dengan sesuatu yang berfaedah untuk dirinya. Apatah lagi jika perkara yang dilakukan adalah sia-sia atau berdosa pada sisi Allah Taala.

Kenyataan ini turut ditegaskan oleh Ibnu Al-Jauzi bahawa individu yang tidak mengetahui saat kematian hendaklah bersiap sedia dan tidak tertipu dengan usia muda atau tubuh badan yang sihat. Menurut beliau, jumlah orang tua yang meninggal dunia adalah sedikit berbanding jumlah kematian yang banyak dalam kalangan orang yang masih muda.

Maka, hiasilah tahun baru ini dengan doa, azam dan harapan yang berpaksikan iman. Jadikan setiap ujian sepanjang tahun 2025 sebagai guru dan setiap nikmat yang masih kita kecap sebagai sebab untuk lebih bersyukur dan mendekatkan diri kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

## **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Sebagai mengakhiri khutbah, mimbar mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati saranan khutbah sebagai renungan kita bersama.

**Pertama:** Pertambahan umur sepatutnya mematangkan manusia untuk memanfaatkan masa dan peluang dengan memperbanyakkan amal dan meningkatkan takwa kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

**Kedua:** Masa dan tubuh yang sihat merupakan di antara kurniaan Allah yang sering diabaikan. Oleh itu jangan amalkan sikap suka bertangguh untuk melaksanakan amal kebaikkkan kerana kita tidak pernah tahu apakah esok masih milik kita.

**Ketiga:** Berpegang kepada kata-kata Al-Hasan Al-Basri yang mengingatkan tentang hakikat masa dan kehidupan:

يَا ابْنَ آدَمَ، إِنَّمَا أَنْتَ أَيَّامٌ، كُلَّمَا ذَهَبَ يَوْمٌ، ذَهَبَ بَعْضُكَ

Maksudnya: *“Wahai anak Adam, sesungguhnya kamu hanyalah himpunan hari; apabila satu hari berlalu, maka sebahagian daripada dirimu turut berlalu bersamanya”*.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ① إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ② إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا

بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ③

Maksudnya: “Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”  
(Surah al-Asr ayat 1-3)

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa berpuasa pada bulan Rejab dan Syaaban merupakan sunnah Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ dan tiada halangan bagi individu yang mampu untuk berpuasa penuh pada bulan-bulan tersebut.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَدَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةَ فُؤَلَاوِ فَيُنِغَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بَعْنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'  
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

**“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha  
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang  
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat  
melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf  
MAINPP.**

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta  
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri

Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG